

## Faktor Mempengaruhi Bekas Banduan menjadi Gelandangan: Kajian Kes di Kuala Lumpur

*Factors Influencing Ex-Prisoners to Become Homeless: A Case Study in Kuala Lumpur*

Mohd Alif Jasni<sup>1\*</sup>, Siti Hajar Abu Bakar Ah<sup>2</sup>, Norruzeyati Che Mohd Nasir<sup>3</sup>  
& Noralina Omar<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial, Universiti Utara Malaysia  
Institute for Psychotherapy, Correctional & Rehabilitation (iPSYCORE) Malaysia

<sup>2</sup> Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya

<sup>3</sup> Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial, Universiti Utara Malaysia  
Asian Research Institute for Governance (ARICG)

Email: [mohd.alif.jasni@uum.edu.my](mailto:mohd.alif.jasni@uum.edu.my)

**Published:** 28 June 2021

**To cite this article (APA):** Jasni, M. A., Abu Bakar Ah, S. H., Che Mohd Nasir, N., & Omar, N. (2021). Factors Influencing Ex-Prisoners to Become Homeless: A Case Study in Kuala Lumpur. *Perspektif: Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 13(1), 102-116. <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol13.1.9.2021>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol13.1.9.2021>

### Abstrak

Bekas banduan yang berakhir sebagai gelandangan bukan suatu isu baharu di mana-mana negara di dunia. Kegagalan berintegrasi semula menjadikan mereka sebagai gelandangan. Kesulitan tersebut dirumitkan lagi dengan kewujudan bekas banduan yang terjerumus ke dalam kancang kemiskinan dan kedaifan hingga menyebabkan mereka tidak berupaya untuk keluar dari lingkungan hidup di jalanan. Oleh itu, kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan bekas banduan ini berakhir hidup menjadi gelandangan. Kajian menggunakan kaedah kualitatif dengan menemu bual seramai 15 orang responden. Teknik persampelan bertujuan dan persampelan bola salji digunakan untuk mengenal pasti responden. Hasil kajian menunjukkan terdapat beberapa faktor yang menyebabkan mereka berakhir sebagai gelandangan iaitu penolakan keluarga, pengangguran, diskriminasi masyarakat dan penagihan dadah yang berterusan. Dapatan kajian mampu dijadikan panduan oleh Jabatan Penjara Malaysia dan Jabatan Kebajikan Malaysia serta agensi berkaitan pemulihan dalam membentuk program bantuan dan sokongan lanjutan yang bersesuaian. Hal ini membolehkan gelandangan bekas banduan keluar daripada kehidupan di jalanan.

**Kata kunci:** bekas banduan, gelandangan, faktor penyebab, penyisihan, integrasi semula.

### Abstract

Ex-prisoners who end up as homeless people are not a new issue in any country. The failure to reintegrate makes them homeless people. The difficulty is further complicated by the existence of ex-prisoners who have fallen into poverty and deprivation causing them not able to get out of the streets living. Therefore, this study was conducted to identify the factors that caused these ex-prisoners to end up living as homeless people. The study used a qualitative method by interviewing a total of 15 respondents. Purposive sampling and snowball sampling technique were used to identify the respondents. The study shows that there are several factors that cause them to end up as homeless people, namely family rejection, unemployment, societal discrimination and persistent drug addiction. The findings are expected to be used as a guide for the Malaysian Prison Department and Department of Social Welfare Malaysia as well as other rehabilitation agencies in developing appropriate assistance and further support programs for homeless ex-prisoners to prevent them from the streets living.

**Keywords:** *ex-prisoner, homeless people, antecedent factors, exclusion, reintegration.*

## **Pengenalan**

Bekas banduan merupakan populasi penduduk yang terdedah dan menghadapi banyak cabaran dan batasan selepas pembebasan mereka dari penjara, dan bagi sesetengah pula, cabaran itu mungkin kekal selama-lamanya sehingga hujung nyawa (Davis et al., 2012). Halangan tersebut menjadi cabaran kepada proses pengintegrasian semula sebaliknya merisikokan mereka untuk terlibat dengan jenayah dan berakhir menjadi gelandangan. Perkara ini juga merupakan fenomena yang berlaku di seluruh dunia apabila bekas banduan yang tidak mempunyai tempat untuk dituju dan berakhir sebagai gelandangan di jalanan (Brunton-Smith & McCarthy, 2017; Hochstetler et al., 2010; Herbert et al., 2015; McKernan, 2017).

Di Malaysia, kegagalan bekas banduan mengintegrasikan diri sering membuatkan mereka berakhir hidup sebagai gelandangan dan cenderung terlibat dalam aktiviti pengulangan jenayah (Berawi & Ismail, 2019; Idris & Ramli, 2017). Cabaran hidup sebagai gelandangan menjadikan persekitaran hidup yang sangat tidak kondusif seperti kehadiran rakan-rakan negatif (Taylor & Becker, 2015), masalah penyalahgunaan dadah (Maruna, 2011; Scott et al., 2014; Sota & Agolli, 2015) dan kehidupan yang daif akibat pengangguran (Berg & Huebner, 2011; Maruna, 2011). Faktor-faktor sebegini menyebabkan mereka sering terdedah semula kepada jenayah sebagai cara untuk membiayai kehidupan (Sanei & Mir-Khalili 2015).

Berdasarkan kepada hujah-hujah di atas, jelas sekali bahawa kegagalan bekas banduan menghadapi pelbagai cabaran telah membawa kepada kegagalan pengintegrasian semula. Perkara ini merupakan satu masalah sosial yang perlu diberi perhatian teliti. Kajian ini meneroka faktor yang menjadikan bekas banduan berakhir sebagai gelandangan dan cabaran yang dialami oleh bekas banduan bagi membolehkan kerajaan dan pihak berkepentingan lain melaksanakan penilaian semula ke atas program pemulihan dan memperkenalkan program pengintegrasian ke atas bekas banduan. Selain itu, input daripada kajian ini boleh dijadikan panduan kepada agensi-agensi yang terlibat dengan perkhidmatan pemulihan untuk membangunkan program yang lebih bersasar ke arah memastikan bekas banduan bebas dari hidup bergelandangan. Malahan pengenalan kepada program yang lebih khusus juga boleh diperkenalkan dalam memastikan gelandangan bekas banduan keluar daripada kehidupan jalanan. Penelitian teliti terhadap isu sosial ini akan dilakukan bagi mencari jawapan kepada persoalan kajian iaitu untuk mengenal pasti apakah faktor yang mengakibatkan bekas banduan berakhir sebagai gelandangan?.

## **Sorotan Literatur**

### **Profil Demografi dan Senario Gelandangan di Malaysia**

Kajian ini membincangkan kehidupan bekas banduan yang berakhir sebagai gelandangan akibat daripada kegagalan untuk berintegrasi semula. Perbincangan mengenai profil demografi gelandangan memerlukan pemahaman yang jelas tentang konsep gelandangan. Tinjauan yang dilakukan selama tiga dekad terakhir menunjukkan bahawa gelandangan semakin ramai dan lebih pelbagai dari segi umur, jantina, etnik dan komposisi keluarga (Grant et al., 2013). Ketiadaan takrifan yang jelas mengenai konsep gelandangan menyukarkan kajian untuk mengkategorikan atau membincangkan profil demografi gelandangan yang terdapat di Malaysia. Berikutan itu juga, wujud pelbagai interpretasi sosial tentang konsep gelandangan itu sendiri. Antaranya, gelandangan primer iaitu individu perseorangan yang tinggal di jalanan; gelandangan sekunder iaitu individu yang bergerak di antara tempat perlindungan sementara, termasuk tinggal di rumah kawan, keluarga atau penginapan sementara/kecemasan; dan gelandangan tertier iaitu individu yang tinggal di rumah tumpangan tanpa bilik mandi peribadi dan /atau tahap keselamatan yang baik (Hanson-Easey et al., 2016).

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah mengeluarkan statistik yang menunjukkan seramai 1934 orang gelandangan (orang papa pengemis) pada tahun 2009, 1434 orang pada tahun 2010, 1446 orang pada tahun 2011, 1223 orang pada tahun 2012, 1048 orang pada tahun 2013, 1469 orang pada tahun

2014, 1527 orang pada tahun 2015 dan meningkat kepada 2278 orang pada 2016. Menurut Idris dan Ramli (2017), berlaku penambahan jumlah gelandangan di bandar-bandar besar dalam negara seperti Kuala Lumpur dan Johor Bahru. Hal ini disokong oleh kajian Ramli dan Dawood (2017) yang menyatakan jumlah gelandangan yang tertinggi adalah berada di Kuala Lumpur, Selangor dan Pulau Pinang.

Usaha kerajaan Malaysia untuk mengurangkan jumlah gelandangan di Malaysia belum berjaya memandangkan bilangannya yang semakin meningkat. Masalah gelandangan telah menjadi isu kesihatan awam yang turut mendapat perhatian daripada para pegawai perubatan, penyelidik, pentadbir, dan pembuat dasar dalam beberapa tahun kebelakangan ini (Tsai et al., 2017). Gelandangan kekal sebagai masalah yang sukar dikaji khususnya dalam menangani keperluan individu yang berisiko tinggi untuk hidup sebagai gelandangan dan orang-orang dari populasi yang sukar untuk difahami (Tsai et al. 2017).

### **Kehidupan Bekas Banduan Sebagai Gelandangan**

Gelandangan boleh terdiri daripada individu seperti penagih dadah, bekas banduan, orang tua, orang kurang upaya, pesakit mental dan pelbagai lagi kategori individu yang hidup dalam kemiskinan dan kedaifan. Kajian literatur ini, walau bagaimanapun, hanya memberi tumpuan kepada gelandangan bekas banduan yang terdiri daripada individu yang mengalami masalah gelandangan mutlak; iaitu mereka yang tidak mempunyai akses tempat tinggal. Mereka tiada tempat tinggal untuk berlindung selepas keluar dari penjara (Jasni et al., 2020, 2021). Terdapat pelbagai punca yang menyebabkan bekas banduan menjadi gelandangan. Sembilan daripada sepuluh gelandangan menghadapi cabaran dan halangan seperti penyalahgunaan fizikal, masalah mental, penyalahgunaan dadah, alkohol dan kemiskinan (Ku Yaacob et al., 2017).

Masalah gelandangan dalam kalangan bekas banduan mungkin tidak secara automatik membawa kepada pengulangan jenayah atau residivisme. Secara tidak langsung, mereka cenderung kepada pengaruh negatif dan berbahaya yang mengelilingi kehidupan mereka seperti penyalahgunaan dadah (Scott et al., 2014; Sota & Agolli, 2015), kenalan negatif, dan persekitaran yang diskriminasi dan desktruktif. Kajian menunjukkan bahawa pemenjaraan boleh membawa kepada kesan negatif seperti ketidakupayaan bekas banduan untuk mendapatkan rumah yang stabil (Geller & Curtis, 2001).

Isu gelandangan dalam kalangan bekas banduan di Malaysia tidak banyak dijalankan. Berikutan itu, tidak ada penyelidikan khusus yang memberi tumpuan kepada faktor gelandangan dalam kalangan bekas banduan. Perkara ini amat menyedihkan memandangkan gelandangan dalam kalangan bekas banduan merupakan isu sosial yang sangat penting untuk diberi perhatian. Di Malaysia, bekas banduan merupakan komuniti marginal yang paling terasing dan terdedah kepada keadaan hidup yang sangat menghimpit dan tertekan berbanding dengan kategori gelandangan yang lain. Idea yang dijana daripada kajian ini berupaya memberi pandangan baharu dan menyumbang pengetahuan dalam kerangka pengetahuan sistem keadilan jenayah dan kerja sosial pemulihan di Malaysia.

### **Metodologi Kajian**

#### **Reka bentuk kajian**

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif untuk memberi tumpuan kepada pengalaman hidup bekas banduan yang tinggal secara bergelandangan di sekitar bandar raya Kuala Lumpur.

#### **Teknik pengumpulan data**

Kaedah kajian yang dipilih ialah kaedah kajian kes. Dengan menggunakan pendekatan fenomenologi, temu bual dilakukan untuk mendapatkan maklumat kajian. Kajian menggunakan teknik temu bual

mendalam untuk meneroka pengalaman dan cabaran responden. Memandangkan sampel kajian sukar dikenal pasti, dua teknik persampelan bukan kebarangkalian telah digunakan iaitu teknik persampelan bertujuan dan teknik persampelan bola salji. Kajian ini turut mendapatkan khidmat bantuan daripada Pertubuhan Kebajikan Ar-Riqab Kuala Lumpur bagi mengenal pasti responden yang menepati ciri-ciri inklusif memandangkan pertubuhan tersebut mengambil tanggungjawab sosial menjaga kebajikan dan mempunyai hubungan langsung dengan golongan tersebut. Pengkaji telah menemu bual seramai 15 orang bekas banduan. Pengumpulan data kajian dilakukan selama lima hari berturut-turut dengan menemu bual tiga orang responden sehari dari 16 September 2020 sehingga 20 September 2020.

### **Teknik analisis data**

Selepas melakukan temu bual, rakaman ditukar ke dalam bentuk transkrip. Kajian ini menggunakan perisian Atlas.ti versi 9 untuk mengekod dapatan secara analisis tematik. Data kajian dikodkan berdasarkan tema.

### **Dapatan Kajian**

Dapatan kajian ini menjelaskan faktor-faktor yang membawa bekas banduan berakhir sebagai gelandangan. Nama setiap responden dirahsiakan dan telah digantikan dengan nama samaran bagi merahsiakan identiti responden. Hasil kajian menunjukkan terdapat beberapa faktor yang menjadikan bekas banduan berakhir hidup sebagai gelandangan. Faktor-faktor tersebut dibahagikan seperti berikut:

### **Faktor Penolakan Keluarga**

Faktor utama yang menjadikan bekas banduan ini sebagai gelandangan ialah penolakan keluarga. Rata-rata responden menyebut perkara yang hampir sama apabila ditanya tentang keluarga sedangkan fungsi keluarga sangat penting dalam membantu bekas banduan yang baru bebas dari penjara, mereka pula hilang sokongan keluarga atau hubungan keluarga menjadi renggang selepas dibebaskan dari penjara (Tica & Roth, 2012). Kajian Yani et al., (2016) turut menyatakan antara faktor yang menyebabkan individu menjadi gelandangan ialah masalah keluarga. Keluarga sepatutnya berperanan untuk membantu bekas banduan dari segi kewangan dan penempatan selain memberi sokongan emosi dan moral namun ini tidak berlaku kepada responden kajian. Keadaan ini ‘menolak’ mereka keluar daripada keluarga dan akhirnya hidup di jalanan.

Terdapat enam subtema berkaitan penolakan ahli keluarga yang menunjukkan bukti penolakan dan penyisihan keluarga terhadap bekas banduan itu berlaku iaitu:

#### **i. Tidak mahu mengganggu keluarga**

Kod yang pertama ditemui sepanjang temu bual ialah mereka menyatakan tidak mahu mengganggu keluarga. Rata-rata responden dilihat memilih untuk hidup sebagai gelandangan atas alasan mereka tidak mahu mengganggu keluarga mereka. Seramai lapan orang responden yang menyebut tentang keengganan mereka untuk menyusahkan keluarga. Kebanyakan memilih untuk keluar dari rumah dan hidup sebagai gelandangan. Sebagai contohnya Jalil, Iman, Halim, Azim, Akbar, Naim, Danish dan Zamani yang tidak mahu mengganggu keluarga dengan tinggal bersama-sama. Antaranya seperti petikan temu bual berikut:

*“Saya bukan apa, saya tidak mahu menyusahkan adik beradik. Saya lahir macam ni saya tidak mahu menyusahkan sesiapa walaupun adik beradik.”*

(Jalil / 16 September 2020/ Lokasi: Pertubuhan Ar-Riqab)

*“Memanglah mereka (keluarga) menerima, tapi aku tidak mahu mengganggu mereka. Mereka sudah ada keluarga, sudah ada anak apa semua. Sendiri kita duduk, sendiri tanggungjawab. Depa kalau belum kawin, aku punya pasai lah. Depa nak melawat ka apa aku kata tak payah.”*

(Iman / 17 September 2020/ Lokasi : Chowkit)

*“Aku pun tidak mahu kacau dioranglah (keluarga)”*

(Halim / 17 September 2020/ Lokasi: Chowkit)

## ii. Tidak selesa dengan adik-beradik ipar

Selain itu, dapatan kajian menemukan dua responden yang menyebut tentang ketidakselesaian untuk berada bersama-sama adik-beradik ipar. Mereka berasa tertekan apabila sering timbul konflik akibat tinggal bersama-sama dan perasaan tidak selesa ini menyebabkan mereka tidak mahu lagi tinggal bersama-sama dengan keluarga. Berikut adalah petikan temu bual berkenaan hal ini:

*“Ada adik-beradik pun kadang-kadang ada adik ipar. Diorang (mereka) ini tak sesuai dengan kita sebab kita ni penagih.”*

(Yusuf / 16 September 2020/ Lokasi: Chowkit)

*“Bukan. Dorang (mereka) bukan kata marah kah apa kat saya, dorang (mereka) tak suka perangai saya..bukan tidak ada tempat saya boleh pergi, tapi kalau saya pergi dekat dorang. Anak bini dorang (mereka) bergaduh...tak suka perangai saya, jahat sebab bekas banduan”*

(Zamani / 20 September 2020/ Lokasi: Chowkit)

## iii. Ketiadaan ibu bapa untuk bergantung harap

Selain itu, terdapat juga responden yang menyatakan mereka tidak mahu pulang ke kampung halaman disebabkan kedua-dua ibu bapa sudah meninggal dunia. Dalam hal ini, fungsi ibu bapa sangat penting sebagai tempat untuk golongan tersebut bergantung hidup, sumber sokongan dan memulakan hidup dalam proses integrasi semula. Namun demikian, perkara ini adalah mustahil bagi bekas banduan yang tidak lagi mempunyai ibu bapa. Antara petikan temu bual adalah seperti berikut:

*“Sebab saya, mak ayah sudah tidak ada. “*

(Ilham / 16 September 2020/ Lokasi: Chowkit)

*“Sebab diorang (ibubapa) sudah tidak ada”*

(Naim / 19 September 2020/ Lokasi: Chowkit)

*“Tak, memang tak bergantung dengan keluarga sebab mak pun dah tua, sekarang sudah meninggal dah.”*

(Faiz / 20 September 2020/ Lokasi: Chowkit)

## iv. Keluarga yang tidak mahu menerima

Malahan, terdapat juga bekas banduan yang menjadi gelandangan kerana keluarga mereka tidak lagi menerima kehadiran mereka selepas keluar dari penjara. Hal ini menyebabkan mereka tiada tempat untuk dituju. Keadaan ini mendesak mereka untuk berhijrah ke Kuala Lumpur dan memilih untuk hidup di jalanan. Berikut adalah beberapa petikan temu bual berkaitan tema ini:

*“Tak nak terima. Aku dah keluar, semua rumah depa (mereka) aku pi (pergi) tak bagi”*

(Iman / 17 September 2020 / Lokasi: Chowkit)

*“Setiap kali saya balik, tapi disebabkan penerimaan keluarga yang kurang baik, jadi saya balik itu, setiap kali saya balik tu memang saya terlibat balik dengan dadah. Memang saya balik dengan dadah, jadi saya dengan kawan- kawan sayalah. Tak balik rumah, tidur dan jadi gelandangan.”*

(Rahim / 18 September 2020/ Lokasi: Chowkit)

*“Ada suka ada tak suka, family (keluarga) saya kebanyakan tidak sukalah”*

(Manaf / 19 September 2020/ Lokasi : Chowkit)

## v. Adik beradik menjauhkan diri

Kehidupan tanpa keluarga menyebabkan bekas banduan tidak mempunyai tempat untuk bergantung. Hal ini diburukkan lagi dengan keadaan adik-beradik yang mula menjauhkan diri daripada mereka. Antara petikan temu bual berkaitan tema ini adalah seperti berikut:

*“Okey kali pertama keluarga boleh terima. Arwah mak boleh terima. Kali kedua arwah mak masih terima tapi penerimaan adik-beradik makin jauh sebab kan saya balik penjara pun stay (tinggal) seminggu je tak hisap, tak tahan dengan orang kampung, orang kampung tetap kata hisap balik la apa la, hisap balik. Itu yang adik-beradik makin lama makin jauh. Cuma mak sajalah susah payah.”*

(Yusairi / 18 September 2020/ Lokasi: Chowkit)

*“Mak ayah ok, tapi adik beradik je. Mak ayah tak kisah, tapi adik beradik je kan lah yang telah menjauhkan diri...”*

(Zamani / 20 September 2020/ Lokasi: Chowkit)

#### **vi. Keluarga yang tidak percaya**

Hukuman penjara yang dilalui menyebabkan keluarga tidak lagi mempercayai bekas banduan. Mereka mempunyai perasaan skeptik dengan kehadiran bekas banduan. Perasaan bimbang dan syak wasangka menimbulkan ketidakpercayaan dalam keluarga. Lebih parah apabila bekas banduan yang pernah dibantu keluarga sebelum ini tetapi masih gagal berubah menyebabkan keluarga tidak lagi meletakkan kepercayaan terhadap mereka. Berikut adalah contoh petikan temu bual berkaitan hal ini:

*“Kuranglah. Sebab apa, sebabkan saya penagih mungkin kurang kepercayaan ataupun mungkin saya pernah dibantu tetapi saya gagallah.”*

(Danish / 20 September 2020/ Lokasi: Chowkit)

### **Faktor Pengangguran**

Dapatan kajian menunjukkan bekas banduan yang berakhir hidup sebagai gelandangan turut disebabkan oleh pengangguran. Pekerjaan merupakan satu keperluan penting buat bekas banduan bagi memastikan mereka berjaya mengintegrasikan diri ke dalam kehidupan bermasyarakat. Malangnya, hal ini suatu yang sangat mustahil buat bekas banduan untuk mendapatkan pekerjaan selepas dibebaskan. Isu ini menjadi faktor terbesar sebab bekas banduan akhirnya hidup di jalanan.

Kajian mendapati mencari dan mengekalkan pekerjaan yang menguntungkan merupakan salah satu cabaran terbesar bagi bekas banduan yang kembali ke masyarakat (Atkin & Armstrong, 2013; Holzer et al., 2004). Kajian Luther et al. (2011) turut menyatakan proses mencari kerja bukan suatu yang mudah. Keadaan ini membuktikan faktor terdapat bekas banduan yang terpaksa hidup bergelandangan.

Hasil pengkodan menggunakan perisian *Atlas.ti* telah membawa kepada pengenalpastian beberapa kod berkaitan faktor yang menyebabkan responden kajian menjadi gelandangan. Proses pengkodan yang dilakukan turut mengkod tema-tema yang menunjukkan faktor yang mempengaruhi bekas banduan ini terpaksa hidup di jalanan. Kajian mendapati tema faktor pengangguran adalah seperti berikut:

#### **i. Rekod jenayah**

Rata-rata bekas banduan menyatakan pengangguran yang berlaku disebabkan oleh rekod jenayah. Rekod jenayah telah menyebabkan kebanyakan mereka tidak dapat menemukan pekerjaan atau kehilangan pekerjaan apabila majikan mengetahui mereka mempunyai rekod jenayah. Kehidupan sebagai bekas banduan menjadikan pilihan kerja amat terhad. Hasil temu bual menunjukkan rata-rata gelandangan bekas banduan menyebut tentang pekerjaan sebagai pengawal keselamatan sedangkan pekerjaan ini merupakan pekerjaan yang sangat mementingkan rekod jenayah seseorang. Namun demikian, ketiadaan peluang menyebabkan bekas banduan sering memilih pengawal keselamatan sebagai pekerjaan walaupun tahu tentang kesan akan diberhentikan apabila rekod mereka diketahui. Berikut dipaparkan beberapa petikan temu bual mengenai hal ini:

*“Sebab security (pengawal keselamatan) ni ... satu, kita ada rekod. Lepas itu kita ni mudahla. Kadang-kadang diorang ni, gaji tak bayar. Kadang-kadang gaji short (direndahkan)”*  
(Yusuf / 16 September 2020/Lokasi: Chowkit)

*“Jadi guard ni senang, masalah dia dapat kerja empat bulan. Dia check (semak) rekod, bila check (semak) rekod, kita ada rekod. Payah penerimaan tu. Nama ada dalam sistem. Nak cari kerja susah”.*  
(Azim / 18 September 2020/ Lokasi: Chowkit)

*“Faktor rekod la. Sepanjang kerja dari dulu pun, kalau ada rekod. Setakat jadi pengawal keselamatan pun dah susah dah, bila ada rekod walau ada satu sekalipun memang kita susah nak dapat”.*  
(Rahim / 18 September 2020/ Lokasi: Chowkit)

*“Bekerja sementara lah, kerja security (pengawal keselamatan) tu, kadang setahun setahun lebih, kadang habis kontrak kadang-kadang dia check (semak) rekod ada rekod, dia check (semak) kita ada pernah masuk penjara ni, dia buang”*  
(Akbar / 19 September 2020/ Lokasi: Chowkit)

## ii. Faktor usia

Suatu yang menarik ditemui tentang kegagalan bekas banduan untuk mendapat pekerjaan ialah faktor usia. Seramai sembilan orang responden yang ditemui bual berusia melebihi 50 tahun. Faktor usia turut menimbulkan isu kudrat dan tenaga mereka untuk bekerja. Majikan lebih bimbang untuk menggajikan pekerja yang berusia. Malahan, usia yang lanjut juga mengakibatkan bekas banduan tidak larat lagi bekerja. Kekuatan untuk menanggung masa kerja yang panjang dan jenis pekerjaan yang berat telah menjadikan golongan ini menganggur. Terdapat enam orang responden yang menyebut tentang faktor usia yang menjadi penyebab kepada pengangguran. Antara petikan temu bual adalah seperti berikut:

*“Dalam umur-umur macam ni apa je yang boleh buat? Kerja berat-berat tak bolehlah”*  
(Jalil / 16 September 2020/ Lokasi: Chowkit)

*“Dah 60 lebih kan. Mana ada ... mana ada orang nak ambil pekerja yang berusia..”*  
(Naim / 19 September 2020/ Lokasi: Chowkit)

*“Terpaksa...umur pakcik orang tengok IC orang tidak mahu. Sudah cuba. Macam macam pakcik minta kerja, tapi tak dapat.”*  
(Danish / 20 September 2020/ Lokasi: Chowkit)

*“Takde eh.. so (maka) menganggur sekarang ini sebab faktor usialah sebelum ni memang kerjalah.”*  
(Faiz / 20 September / 2020/ Lokasi: Chowkit)

## iii. Ketiadaan kad pengenalan

Kajian menemukan suatu kod yang sangat menarik untuk direkodkan iaitu masalah ketiadaan kad pengenalan dalam kalangan gelandangan bekas banduan. Keadaan tersebut telah menyebabkan mereka sukar untuk memohon pekerjaan apabila majikan yang memerlukan kad pengenalan semasa permohonan kerja. Masalah ketiadaan kad pengenalan dalam kalangan gelandangan bekas banduan sering berlaku atas pelbagai sebab seperti kecurian dan tercicir. Keadaan hidup di jalanan menyebabkan gelandangan bekas banduan sering berada dalam situasi untuk dirompak terutama ketika tidur. Antara petikan temu bual yang menyokong kenyataan ini adalah seperti berikut:

*“Bukan pasal layak, IC (kad pengenalan) yang tidak ada sekarang.”*  
(Iman / 17 September 2020/ Lokasi: Chowkit)

*“Saya jadi gelandanganlah sebab saya nak kerja tetap pun IC (kad pengenalan) takde, hilang. Saya tak ada duit nak bayar denda IC (kad pengenalan) tu. Sebab saya kalau boleh saya dapat IC (kad pengenalan), saya nak cari duit, saya nak cari kerja tetap, saya nak balik tempat saya sendirilah. Tapi halangan IC (kad pengenalan) tidak ada, saya nak bekerja tetap nak keluar dari sini, takde. Sebab masalah IC (kad pengenalan) lah. Tak ada IC (kad pengenalan) susah dapat kerja.”*

(Shima / 17 September 2020/ Lokasi: Chowkit)

#### iv. **Ketagihan dadah menyebabkan bekas banduan tidak dapat bekerja**

Kajian mendapati faktor ketagihan dadah sering menyukarkan bekas banduan untuk diterima bekerja. Hal ini sering terjadi apabila majikan yang membuat ujian air kencing terhadap pekerja. Rata-rata gelandangan bekas banduan mempunyai masalah ketagihan dadah yang melampau. Antara petikan temu bual berkaitan hal ini adalah seperti berikut:

*“Bukan check air kencing. Dia bila kita nak masuk sesuatu kilang, macam dekat Nilai dia akan bagi tempoh percubaan dalam tiga bulan. Dalam dua bulan, dia bila-bila pun dia boleh panggil Agensi Antidadah ataupun polis buat ujian air kencing tu ataupun mesyuarat”*

(Yusairi / 18 September 2020/ Lokasi: Chowkit)

#### v. **Kebimbangan majikan untuk menanggung liabiliti**

Majikan juga enggan mengambil bekas banduan sebagai pekerja kerana kebimbangan pada liabiliti yang perlu ditanggung. Kerisauan kepada kesan menggajikan bekas banduan ada kaitan dengan keperluan menjaga imej syarikat. Kerisauan pada kehilangan harta benda turut menjadi faktor kepada keengganan majikan mengambil pekerja dari kalangan bekas banduan. Petikan temu bual berikut membuktikan hal ini berlaku:

*“Yang pertama, dia akan risau jugak kehilangan barang dia. Sama jugak, kalau sistem keselamatan pun kita masuk, secara automatik tempat tu tidak selamat.”*

(Yusairi / 18 September 2020/ Lokasi: Chowkit)

*“Dorang (majikan) cakap sahaja boleh terima. Setengah boleh setengah tak lah. Kebanyakan dorang (majikan) nak jaga imej. Yelah bila da dia ambil bekas banduan kerja apa orang kata. Kan..Macam tu la. Tak eloklah imej dia (syarikat)”*

(Zamani / 20 September 2020/ Lokasi: Chowkit)

Selain itu, kajian menunjukkan penyakit yang dihadapi sering menjadi penghalang. Rata-rata responden yang telah berusia dan terlibat dengan masalah penyalahgunaan dadah boleh membawa kepada pelbagai penyakit. Keadaan tersebut menyebabkan bekas banduan tidak mampu untuk bekerja dengan baik. Berikut adalah petikan temu bual berkenaan hal ini:

*“Nak kerja macam mana, saya strok dan tidak boleh nak kerja. So pakcik bercerai, maknanya bebas tidak ada masalahlah.. Cuma sekarang ini pekerjaan tak bekerja bukan tak nak kerjalah, Cuma kesihatan iaitu strok yang pakcik alami. Kalau ada peluang pakcik memang nak kerja lah”*

(Manaf / 19 September 2020/ Lokasi: Chowkit)

*“Pakcik ada darah tinggi, ada kolestrol orang takut. Pakcik nak cuci pinggan ni satgi (nanti) pakcik jatuh kami (majikan) nak kena bertanggungjawab...mereka tidak mahu menanggung risiko, tak bagi.”*

(Danish / 20 September 2020/ Lokasi: Chowkit)

#### vi. **Stigma Majikan**

Bekas banduan terpaksa hidup dalam keadaan yang sukar kerana majikan sering mempunyai perasaan syak wasangka dan perasaan curiga terhadap pekerja bekas banduan. Keadaan tersebut menyebabkan persekitaran yang tidak kondusif. Mereka sering dituduh dengan pelbagai tuduhan negatif semasa bekerja. Hal tersebut menimbulkan perasaan tidak selesa dalam kalangan pekerja bekas banduan.



Mereka merasakan kehidupan yang tidak selamat apabila majikan yang sering melemparkan tuduhan. Petikan temu bual berikut menunjukkan hal ini berlaku:

*“Kita cakap bekas banduan, mula mula je dia ok, lepas tu pandangan serong la. Kita pun paham. Apa-apa hilang, haaa tuju kita dulu. Kita terasa la, haa mentang-mentang aku bekas banduan, apa sepuluh sen hilang pun kau (majikan) tuduh aku ambik. Kata... Takpelah. Aku berhenti. Haa”*

(Zamani / 20 Septembr 2020/ Lokasi: Chowkit)

## Faktor Diskriminasi Masyarakat

Selain itu, kajian turut mendapati wujudnya faktor penolakan dan diskriminasi terhadap bekas banduan dalam masyarakat. Kejayaan bekas banduan berintegrasi semula ke dalam kehidupan masyarakat bergantung kepada penerimaan anggota masyarakat. Namun demikian, bekas banduan yang ditemu bual telah menyatakan penolakan yang berlaku apabila pulang ke kampung halaman. Diskriminasi yang wujud menyebabkan bekas banduan sering memilih untuk keluar dari kampung halaman dan bertumpu di Kuala Lumpur. Hasil pengkodan berkaitan penolakan masyarakat telah membawa kepada penemuan beberapa kod penting. Antara faktor yang berkaitan ialah seperti berikut:

### i. Masyarakat yang memandang rendah

Pandangan rendah oleh masyarakat terhadap bekas banduan membuatkan mereka berasa bahawa masyarakat menolak mereka dan tidak menerima kehadiran mereka apabila pulang ke kampung halaman. Hal ini sering menjadi faktor bekas banduan mengambil pilihan untuk keluar dari kampung halaman dan berpindah ke Kuala Lumpur. Beberapa petikan temu bual mengesahkan berlakunya situasi sebegini:

*“Kawan-kawan dia kata lah, engkau... apa ... dia, ni lah, kira pandang ... pandang ... kira ... kita ni lekeh sangat la kan, bekas penagih kan”*

(Jalil / 16 September 2020/ Lokasi: Chowkit)

*“Mereka (masyarakat) sering memandang seronglah. “*

(Ilham / 16 September 2020/ Lokasi: Chowkit)

*“Masyarakat memang pandang negatif lah, diorang (masyarakat) tengok tahu gelandangan memang dorang pandang negatif.”*

(Akbar / 19 September 2020/ Lokasi: Chowkit)

### ii. Reaksi negatif masyarakat

Responden turut menyatakan yang mereka menerima reaksi negatif masyarakat. Masyarakat sekeliling menunjukkan pelbagai reaksi negatif apabila mengetahui kehadiran mereka di kampung halaman. Beberapa petikan temu bual di bawah menjelaskan hal tersebut:

*“Takde lah. Cuma kadang-kadang kira, orang kata, daripada dia punya reaksi itu kita boleh nampak dah, pastu ok, tak bagi anak dia bercampur dengan kita lah, apa lah”*

(Jalil / 16 September 2020/ Lokasi: Chowkit)

*“Saya balik penjara pun stay (tinggal) seminggu sahaja tidak hisap, tak tahan dengan orang kampung, orang kampung tetap kata hisap balik lah apa lah, hisap balik.”*

(Yusairi / 18 September 2020/ Lokasi: Chowkit)

*“Pandangan masyarakat negatif kalau dia tahu kita hisap dadahlah. Bukan masalah penjara, masalah bila kita penagih kan, ada dia punya look (pandangan). Bila dia pandang tu, kita sendiri tahu macam mana dia punya look (pandangan) kita rasa ,.. kita ni banyak rasa rendah diri banyaklah.”*

(Azim / 18 September 2020/ Lokasi: Chowkit)

### iii. Sikap negatif masyarakat

Selain reaksi negatif, responden turut menyatakan tentang sikap negatif masyarakat terhadap mereka. Sikap negatif masyarakat terhadap bekas banduan mencetuskan rasa penolakan dalam diri bekas banduan. Keadaan tersebut menyebabkan mereka sering tidak mahu berada dalam lingkungan masyarakat yang mengenali mereka. Petikan temu bual di bawah menunjukkan tersebut:

*“Sikap masyarakat tu dia tidak boleh terima la budak-budak penagih kan.”*

(Jalil / 16 September 2020/ Lokasi: Chowkit)

*“Dulu kalau saya balik kampung, turun je dekat Jambatan Pulau Pinang, belum sampai rumah lagi apa sahaja yang ada kat rumah semua diorang (jiran) akan bawa masuk ke dalam rumah, memang kasut selipar pun diorang (jiran) akan bawa masuk”*

(Yusairi / 18 September 2020/ Lokasi: Chowkit)

### iv. Masyarakat yang memerli

Penemuan kajian turut mengesahkan bahawa faktor diskriminasi masyarakat berlaku dalam bentuk verbal misalnya memerli bekas banduan hingga mengguris hati dan menjadikan mereka berasa malu dengan orang di sekeliling. Petikan temu bual tersebut sebagai bukti:

*“Dah balik dah... adik kau balik daripada ‘kursus’ (penjara)”*

(Jalil / 16 September 2020/ Lokasi: Chowkit)

### v. Malu berdepan dengan masyarakat

Malahan, terdapat juga responden yang berasa malu untuk berhadapan dengan masyarakat di kampung halaman. Perasaan malu menyebabkan mereka tawar hati dan seterusnya menjauhkan diri daripada masyarakat. Petikan temu bual berikut menunjukkan hal ini berlaku:

*“Macam berdepan dengan orang (masyarakat), ada perasaan malu.”*

(Shima / 17 September 2020/ Lokasi: Chowkit)

### vi. Kesukaran menyakinkan masyarakat

Responden kajian juga menyatakan bahawa sangat sukar untuk mereka menyakinkan masyarakat bahawa mereka telah berubah. Berikut adalah petikan temu bual berkaitan hal ini:

*“Cabaran terbesar tu, nak yakinkan diorang (masyarakat) yang kita ini boleh berubah. Tapi dorang (masyarakat) tidak yakin. Walaupun kita bekas banduan kan. Macam masyarakat cakap nak bagi peluang pada banduan kan, bagi peluang, macam yang dorang (masyarakat) cakap tu kan... tapi tidak ada pun sekadar cakap cakap je kan”*

(Zamani / 20 September 2020/ Lokasi: Chowkit)

## Faktor Berterusan Ketagihan Dadah

Kebanyakan gelandangan bekas banduan sering berhadapan dengan cabaran penyalahgunaan dadah. Pergantungan terhadap dadah merupakan suatu perkara biasa dalam kalangan gelandangan bekas banduan yang hidup di jalanan dan hal ini telah dibuktikan dalam kajian-kajian terdahulu (Alowaimer, 2018; Yani et al., 2016). Kajian telah berulang kali menunjukkan penggunaan dadah lebih banyak berlaku dalam kalangan orang gelandangan berbanding golongan yang lain (Salomonsen-Sautel et al., 2008). Ketagihan kepada dadah yang memerlukan wang yang banyak menyebabkan mereka terpaksa hidup di jalanan. Kebanyakan sumber kewangan digunakan untuk membiayai ketagihan kepada dadah.

Kajian menunjukkan faktor mereka berada di jalanan mempunyai kaitan dengan aktiviti dadah. Mereka gagal berfungsi atau berintegrasi semula sebagai seorang individu yang produktif disebabkan oleh ketagihan dadah yang melampau. Akhirnya, mereka terpaksa hidup di jalanan secara berterusan dalam tempoh yang panjang. Dalam hal ini, ketagihan dadah telah jelas menjadi faktor yang menyebabkan bekas banduan berterusan hidup di jalanan.

### **i. Ketagihan**

Faktor yang menyebabkan bekas banduan berterusan menagih dadah ialah ketagihan yang melampau. Mereka tidak dapat menghentikan ketagihan. Keadaan hidup yang berterusan menagih pula menjadikan mereka hidup sebagai gelandangan. Berikut adalah petikan temu bual berkaitan hal ini:

*“Faktor kedua, bila kita hisap dadah, saya dah sampai ke tahap yang saya boleh katakan tahap sudah teruk. Bila sudah teruk kita nak balik pun kita rasa malu, malu pada saudara mara, jadi saya tu kalau boleh memang tak nak balik, dalam keadaan yang macam tu lah.”*

(Rahim / 18 September 2020/ Lokasi: Chowkit)

*“Nak hisap dadahlah. Dah lama dah kan, kena dua tahun kan... jadi rindu pada budak- budak penagih. Rindu nak hisap.”*

(Akbar / 19 September 2020/ Lokasi: Chowkit)

### **ii. Kekecewaan hidup**

Selain itu, faktor berterusan menagih adalah disebabkan oleh kekecewaan hidup. Mereka juga berasakan tiada harapan untuk berubah. Oleh yang demikian, mereka memilih untuk berterusan mengambil dadah. Petikan temu bual di bawah menjelaskan hal ini.

*“Sebenarnya salah satu faktor, kekecewaan tu pun ada jugak. Sebab kita kecewa tu, satu faktor kita nak happy (gembira) satu faktor kita kecewa. Tapi kita pun tak terus letakkan kekecewaan tulah sebab apa itu jalan yang kita pilih, kita pun dah tahu dah salah, cuma kita kena cari jalan keluar je.”*

(Rahim / 18 September 2020/ Lokasi: Chowkit)

*“Kadang-kadang kita tension (tertekan). Tension) tak tahu nak fikir. Buntu. Sebab kadang-kadang. Contohnya, kita kerja sekuriti (pengawal keselamatan) elok elok dah...oh awak kena diberhentikan sebab awak ada rekod. Dulu awak cakap ada rekod pun tidak mengapa sebab kita (majikan) boleh payunglah (membantu). Tiba cakap tidak boleh pulak, kita kecewala. Sebab itu mengambil dadah semula”*

(Akbar / 19 September 2020/ Lokasi: Chowkit)

*“Emm keadaan, situasi apabila ketegangan, perlu mengawal keadaan apa semua. Kekecewaan hidup yang menjadi sebab saya terus hidup gelandangan dan menagih dadah.”*

(Naim / 19 September 2020/ Lokasi: Chowkit)

## **Perbincangan**

Penemuan kajian ini telah mengesahkan kewujudan beberapa faktor utama yang menjadikan bekas banduan sering berakhir hidup menjadi gelandangan di Kuala Lumpur. Kajian tempatan yang terdahulu (Berawi & Ismail, 2019; Idris & Ramli, 2017; Jasni et al., 2018, 2019; Ramli & Dawood, 2017; Tharshini et al., 2018; Yani et al., 2016) telah banyak membincangkan wujudnya gelandangan dalam kalangan bekas banduan, gelandangan yang mempunyai rekod penjara atau berlakunya pengakhiran kehidupan bekas banduan menjadi gelandangan di jalanan. Kajian yang dilakukan ini telah menyokong beberapa dapatan kajian terdahulu dengan mengenal pasti wujudnya gelandangan bekas banduan di kota raya dan beberapa punca utama yang menyebabkan bekas banduan ini terpaksa berakhir menjadi gelandangan. Antaranya seperti faktor penolakan keluarga, pengangguran, diskriminasi masyarakat dan ketagihan dadah. Kesemua ini menjadi penyumbang terbesar yang menyebabkan bekas banduan terpaksa berakhir hidup di jalanan.

Kajian mendapati gelandangan bekas banduan merupakan bekas banduan yang mempunyai rekod jenayah yang terpaksa hidup di jalanan. Hasil kajian mendapati golongan tersebut bukan sekadar dihimpit kemiskinan, malahan keadaan hidup mereka lebih berganda cabarannya akibat rekod jenayah lampau walaupun mereka telah menerima hukuman. Ketiadaan peluang dan ruang untuk berubah menjadikan mereka tidak mampu berintegrasi semula. Kegagalan mereka berintegrasi semula bermula seawal pembebasan apabila ditolak oleh ahli keluarga atas pelbagai sebab (Brunton-Smith & McCarthy, 2017; Hochstetler et al., 2010). Mereka menunjukkan usaha untuk mengintegrasikan diri ke dalam

sistem hidup bermasyarakat dengan pulang ke pangkuan keluarga dan mencari pekerjaan (Berg & Huebner, 2011; Denver et al., 2017). Namun, faktor penolakan keluarga, prasangka buruk majikan dan diskriminasi masyarakat sedikit sebanyak membantutkan usaha mereka. Sikap curiga, penerimaan negatif ahli keluarga dan ketiadaan (kematian) ibu bapa telah 'menolak' mereka keluar dari lingkungan fizikal dan sosial keluarga. Kesemua ini menjadi cabaran untuk bekas banduan ini sebaik dibebaskan. Ditambah pula dengan sikap, reaksi dan layanan negatif masyarakat sekeliling menambahkan kesukaran mereka untuk menjalani hidup seperti manusia biasa (Moore et al., 2016). Hal ini menyebabkan rata-rata untuk berpindah keluar daripada tempat tinggal asal dan bertumpu ke kawasan bandar terutama Kuala Lumpur.

Selain itu, disebabkan adanya rekod jenayah, usaha untuk mereka berdikari mencari sumber pendapatan sendiri bagi kelangsungan hidup sering menemui jalan buntu akibat prasangka buruk pihak majikan (Fashey et al., 2006; Pettit & Lyons, 2007; Ramakers et al., 2014). Mereka sukar diterima bekerja, sering dipandang rendah oleh majikan dan ada yang dimanipulasi oleh majikan. Kekecewaan demi kekecewaan yang dialami ditambah dengan tekanan hidup dan kurangnya sokongan positif dari individu di sekeliling, mereka mula mengambil dadah atau mengulangi ketagihan. Perkara ini yang dikatakan sebagai faktor rangkaian yang akhirnya menyebabkan mereka meneruskan hidup di jalanan. Setiap faktor ini mempunyai hubungan tersendiri dan menyebabkan hasil kehidupan yang lebih parah. Dalam konteks perbincangan ini, bekas banduan boleh dikatakan golongan yang mudah terjejas disebabkan rekod jenayah. Faktor persekitaran yang tidak menyokong membuatkan hidup mereka terasing dan dipinggirkan. Keadaan menjadi lebih teruk apabila kawalan sendiri tidak kuat lalu menjerumuskan mereka ke kancah penagihan dadah dan kembali melakukan jenayah (Scott et al., 2014; Green & Winik, 2010).

Kesemua faktor ini terbukti menjadi pencetus kepada bekas banduan menjadi gelandangan selepas dibebaskan dari penjara. Ketiadaan peluang untuk mereka berintegrasi semula disebabkan berhadapan dengan faktor-faktor ini sepanjang hidup dalam komuniti. Kegagalan bekas banduan untuk menjadi seorang yang produktif dan berjaya dalam hidup menyebabkan mereka cenderung untuk berakhir menjadi gelandangan di jalanan. Dengan demikian, satu sistem keadilan bagi jenayah yang dilakukan oleh bekas banduan diperlukan agar isu yang berlaku dalam kalangan bekas banduan sebaik dibebaskan dapat ditangani. Jabatan Penjara Malaysia perlu segera memperkenalkan program pasca pembebasan dan jagaan lanjutan yang bersesuaian untuk bekas banduan setiap kali dibebaskan. Bagi kelompok bekas banduan yang telah berakhir menjadi gelandangan, Jabatan Kebajikan Masyarakat boleh turut serta dengan bersama-sama dalam membantu kelompok ini memandangkan gelandangan sebagai salah satu daripada klien mereka. Jabatan Kebajikan Masyarakat perlu memperkenalkan program yang bersesuaian untuk memastikan gelandangan bekas banduan keluar daripada kehidupan jalanan. Malahan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) juga perlu turut menjadi sebahagian daripada agensi yang membantu gelandangan bekas banduan ini kerana hasil kajian mendapati kumpulan ini tidak lari dari masalah penyalahgunaan dadah. Masalah ketagihan menjadi sebahagian daripada hidup gelandangan bekas banduan apabila berada di jalanan. Kehadiran AADK juga dijangka mampu menjadi barisan hadapan dalam memperkuatkan sistem keadilan jenayah dalam usaha membantu kelompok ini. Akhir sekali, diharap kesemua cadangan ini mampu membentuk inspirasi buat agensi sistem keadilan jenayah dalam memperkenalkan program yang bersesuaian buat gelandangan bekas banduan ini pada masa akan datang.

## **Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati bahawa bekas banduan menjadi gelandangan disebabkan oleh beberapa faktor. Faktor penolakan keluarga mendorong bekas banduan untuk memilih keluar dari rumah dan berhijrah ke bandar. Ketiadaan sokongan keluarga dan tempat bergantung harap menyebabkan mereka harus berdikari. Kehidupan menjadi lebih sukar apabila tidak berhasil untuk mendapat pekerjaan ekoran rekod jenayah menjadi faktor kepada kegagalan mereka mendapatkan pekerjaan. Ketiadaan sumber pendapatan pula membuatkan mereka tidak mampu memenuhi keperluan asas untuk hidup seperti makanan dan tempat tinggal. Selain itu, terdapat juga antara mereka yang

melakukan kerja yang tidak sah dalam mendapatkan pendapatan. Namun demikian, kebanyakan wang yang diperoleh digunakan untuk membeli dadah. Keadaan ini membawa kepada kebimbangan memandangkan masalah jenayah akan sentiasa berterusan dilakukan oleh gelandangan bekas banduan. Ketiadaan peluang dan ruang menjadikan gelandangan bekas banduan cenderung untuk memilih aktiviti yang tidak sah sebagai pilihan atau jalan terakhir. Oleh yang demikian, faktor yang menjadikan bekas banduan berakhir sebagai gelandangan melibatkan beberapa faktor yang bersifat rantaian. Kehidupan golongan gelandangan bekas banduan diburukkan dengan sikap dan layanan negatif masyarakat. Semua faktor ini telah membuatkan proses mengintegrasikan semula diri ke dalam masyarakat menjadi lebih sukar dan akhirnya, mereka hidup di jalanan. Hasil kajian ini boleh menjadi input kepada pihak kerajaan agar lebih peka tentang masalah sosial yang sedang berlaku dalam kalangan bekas banduan dan mengambil langkah realistik dengan mengkaji sistem pengintegrasian semula bekas banduan ke dalam masyarakat.

### **Pematuhan Standard Etika**

Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian melibatkan peserta manusia adalah mengikut standard etika jawatankuasa Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC), Universiti Utara Malaysia. RMIC telah memberikan geran penyelidikan dan tinjauan etika sebelum permulaan penyelidikan ini. Selain itu, persetujuan yang dimaklumkan diperoleh daripada semua responden dalam kajian ini.

### **Pengisytiharan Kepentingan Bercanggah**

Penulis menyatakan tidak ada kemungkinan konflik kepentingan sehubungan dengan penelitian, kepengarangan, dan / atau penerbitan artikel ini.

### **Geran Pembiayaan**

Penulis memperolehi geran pembiayaan yang dikenali sebagai geran kolej sebanyak RM 5,000 dari Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC), Universiti Utara Malaysia untuk kajian ini.

### **Rujukan**

- Alowaimier, O. (2018). Causes, effects and issues of homeless people. *Journal of Socialomics*, 7(3), 1-4.
- Atkin, C. A., & Armstrong, G. S. (2013). Does the concentration of parolees in a community impact employer attitudes toward the hiring of ex-offenders? *Criminal Justice Policy Review*, 24(1), 71-93.
- Berawi, F. A., & Ismail, N. A. (2019). Gelandangan di Kuala Lumpur: Tinjauan Awal. [https://www.researchgate.net/publication/337679453\\_Gelandangan\\_di\\_Kuala\\_Lumpur\\_Tinjauan\\_Awal](https://www.researchgate.net/publication/337679453_Gelandangan_di_Kuala_Lumpur_Tinjauan_Awal)
- Berg, M. T., & Huebner, B. M. (2011). Reentry and the ties that bind: An examination of social ties, employment, and recidivism. *Justice Quarterly*, 28(2), DOI: 10.1080/07418825.2010.498383
- Brunton-Smith, I. & McCarthy, D. (2017). The effects of prisoner attachment to family on re-entry outcomes: A longitudinal assessment. *The British Journal of Criminology*, 57(2), 463-482.
- Davis, C., Bahr, S. J., & Ward, C. (2012). The process of offender reintegration: Perceptions of what helps prisoners reenter society. *Criminology and Criminal Justice*, 13(4), 446-469.
- Denver, M., Siwach, G., & Bushway, S. (2017). A new look at the employment and recidivism relationship through the lens of a criminal background check. *Criminology*, 55(1), 174-204.
- Fashey, J., Roberts, C., & Engel, L. (2006). *Employment of ex-offenders: Employer perspectives*. Executive Office of Public Safety, Crime & Justice Institute.
- Geller, A. & Curtis, M. (2011). A sort of homecoming: Incarceration and the housing security of urban men. *Social Science Research*, 40(4), 1196-1213. DOI:10.1016/j.ssresearch.2011.03.008
- Grant, R., Gracy, D., Goldsmith, G., Shapiro, A., & Redlener, I.E. (2013). Twenty-five years of child and family homelessness: Where are we now? *American Journal of Public Health*, 103, e1-e10.

- Green, D., & Winik, D. (2010). Using random judge assignments to estimate the effects of incarceration and probation on recidivism among drug offenders. *Criminology*, 48(2), 357–387.
- Hanson-Easey, S., Every, D., Tehan, B., Richardson, J., & Krackowizer, A. (2016). Climate change, housing and homelessness: Report on the homelessness and climate change forum. <https://www.nccarf.edu.au/sites/default/files/Forum%20report%20on%20homelessness%20and%20climate%20change%20final.pdf>
- Herbert, C. W., Morenoff, J. D. & Harding, D. J. (2015). Homelessness and housing insecurity among former prisoners. *The Russell Sage Foundation Journal of the Social Sciences*, 1(2), 44–79.
- Hochstetler, A., DeLisi, M., & Pratt, T. C. (2010). Social support and feelings of hostility among released inmates. *Crime & Delinquency*, 56, 588–607. DOI: 10.1177/0011128708319926
- Holzer, H., Raphael, S., & Stoll, M. (2004). Will employers hire ex-offenders?: Employer preferences, background checks, and their determinants. Imprisoning America. Dlm Patillo, M., Weiman, D.F. & Western, B. (pnyt,), *The Social Effects of Mass Incarceration*. hlm. 205-246. Russell Sage Foundation.
- Idris, M. A. H., & Ramli, M. A. (2017). Golongan gelandangan di Malaysia: Antara perluasan tafsiran Asnaf Ibnu Al-Sabil dan Al-Riqab. Dlm Najahurin Lateh, Muhamad Rahimi Osman & Ghafarullahuddin Din. *Isu-Isu Kotemperorari dalam Zakat, Wakaf dan Filantropi Islam*. Akademi Pengajian Islam Kotemperorari.
- Jasni, M. A., Ah, S. H. A. B., Yusoff, J. Z., Shahid, K. M., Omar, N., & Azman, Z. (2018). Faktor penghijrahan dan penumpuan bekas banduan di Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur. *Geografi*, 14(1), 87-101.
- Jasni, M. A., Ah, S. H. A. B., Yusoff, J. Z., Shahid, K. M., Omar, N. & Azman, Z. (2019). Family refusal as a contributing factor to the homelessness problem among former prisoners in Malaysia. *Sarjana*, 34(1), 23-37.
- Jasni, M. A., Ah, S. H. A. B., & Nasir, N. C. M. (2020). Three major interrelated factors contributing to homelessness issue among former prisoners in Malaysia. *The International Journal of Criminology and Sociology*, 9, 415-430. DOI: <https://doi.org/10.6000/1929-4409.2020.09.40>
- Jasni, M. A., Ah, S. H. A. B., & Nasir, N. C. M. (2021). Tough life after prison: An analysis of 19 former prisoners in Malaysia. *Journal of Community Development Research (Humanities and Social Sciences)*, 14(1), 24-36.
- Ku Yaacob, K. B., Mohamad, M. S., & Sarnon, N. (2017). Isu gelandangan di Malaysia: Tahap kesihatan mental & kemahiran hidup. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah (Special Issue)*, 119-131.
- Luther, J. B., Reichert, E. S., Holloway, E. D., Roth, A. M., & Aalsma, M. C. (2011). An exploration of community reentry needs and services for prisoners: A focus on care to limit return to high-risk behavior. *AIDS Patient Care and STDs*, 25(8), 475-481.
- Maruna, S. (2011). Reentry as a rite of passage. *Punishment & Society*, 13(1), 3–28. <https://doi.org/10.1177/1462474510385641>
- McKernan, P. (2017). Homelessness and prisoner reentry: Examining barriers to housing stability and evidence-based strategies that promote improved outcomes. *Journal of community corrections*, 7-28.
- Moore, K., Stuewig, J., & Tangney, J. (2016). The effect of stigma on criminal offenders' functioning: A longitudinal mediational model. *Deviant Behavior*, 37(2), 196–218.
- Pettit, B., & Lyons, C. (2007). Status and the stigma of incarceration: The labor-market effects of incarceration, by race, class, and criminal involvement. Dalam B. Shawn, & M. Stoll (Eds.), *Barriers to reentry? The labor market for released prisoners in post-industrial America* (pp. 203-226). Russell Sage Foundation.
- Ramakers, A., Apel, R., Nieuwbeerta, P., Dirkzwager, A., & Wilsen, J. (2014). Imprisonment length and post-prison employment prospects. *Criminology*, 52(3), 399-427.
- Ramli, M. W., & Dawood, S. R. S. (2017). Memahami permasalahan golongan terpinggir di bandar: Kajian kes gelandangan di George Town, Pulau Pinang. *Geografi*, 5(2), 78-94.
- Salomonsen-Sautel, S., Van Leeuwen, J.M., Gilroy, C., Boyle, S., Malberg, D. & Hopfer, C. (2008). Correlates of substance use among homeless youths in eight cities. *American Journal of Addict*, 17, 224-234. doi: 10.1080/10550490802019964.

- Sanei, M., & Mir-Khalili, S. (2015). Factors affecting recidivism and return to prison male prisoners in the prisons of the West of Guilan and strategies for prevention. *Journal of Scientific Research and Development*, 2(2), 156-161.
- Scott, C., Grella, C., Dennis, M., & Funk, R. (2014). Predictors of recidivism over 3 years among substance-using women released from jail. *Criminal Justice and Behavior*, 41(11), 1257-1289. <https://doi.org/10.1177/0093854814546894>
- Sota, M., & Agolli, I. (2015). Risk and protective factors to prevent recidivism of minors in criminality, a preventive approach in criminal justice. *European Scientific Journal*, 11(20), 1857 – 7881.
- Taylor, C.J., & Becker, P. (2015). Are your friends crucial or trivial? Peer support's effect on recidivism. *Justice Policy Journal*, 12(1), 1-20.
- Tharshini, N. K., Ibrahim, F., Mohamad, M. S., & Zakaria, E. (2018). Challenges in Re-Entry among Former Inmates: A Review. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(4), 970–979. DOI: 10.6007/IJARBS/v8-i4/4126
- Tica, G., & Roth, M. (2012). Are former male inmates excluded from social life? *European Journal of Probation*, 4(2), 62 – 76.
- Tsai, J., O'Toole, T., & Kearney, L.K. (2017). Homelessness as a public mental health and social problem: New knowledge and solutions. *Psychological Services*, 14(2), 113–117.
- Yani, N. M. A., Zahari, N. Z., Samah, N. F. Azahar, M. A., Yasin, S. M., Saman, M. S., & Noor, N. A. (2016). Factors associated with homelessness and its medical issues among urban Malaysians: A qualitative research. *Journal of Clinical and Health Sciences*, 1(1), 46-58.